

# Dasar antinuklear tidak diketepikan

BH 22 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Kementerian Pertahanan hari ini menafikan dakwaan bahawa kerajaan mengetepikan dasar antinuklear apabila membenarkan kapal perang Amerika Syarikat, USS John Stennis, berlabuh di Pelabuhan Klang.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Shafiee Apdal, berkata kapal itu tidak membawa sebarang senjata nuklear dan mendapat kelulusan Wisma Putra dan Jabatan Perdana Menteri sebelum berlabuh di negara ini.

Beliau berkata, kementerianya turut menjalankan proses pemantauan terhadap kapal berkenaan sebelum dibenarkan berlabuh.

“Kapal itu menggunakan tenaga nuklear untuk bergerak tetapi tidak membawa sebarang senjata nuklear. Ini tidak bercanggah dengan pendirian Malaysia,” katanya kepada pemberita selepas majlis penutup Kempen Hari Pahlawan oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, di sini hari ini.

Kempen sejak 31 Julai lalu dan berakhir hari ini, mengutip RM916,484 untuk disalurkan

kepada bekas anggota tentera yang tidak berupaya, balu dan anak tentera.

Shafiee berkata, kerajaan tetap tidak akan membenarkan kapal perang yang membawa senjata nuklear berlabuh di negara ini.

Sehubungan itu katanya, kebenaran yang diberikan kepada kapal perang Amerika Syarikat itu tidak menjejaskan dasar kerajaan mengenai antinuklear.

Beliau mengulas mengenai kehadiran kapal perang Amerika Syarikat, USS John Stennis di Pelabuhan Klang. Beberapa pihak mempersoal pendirian kerajaan berhubung dasar Zon Untuk Keamanan Kebebasan dan Berkecuali (Zopfan) dan Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) berikutan kehadiran kapal perang itu.